

LATIHAN MENGENALPASTI KEKURANGAN NUTRIEN PADA TANAMAN KACANG

BENDIR

Seramai 18 orang pegawai dan kakitangan dari Bahagian Pengembangan Pertanian dan 9 orang peladang sayur dan buah telah menyertai Latihan “*Mengenalpasti Kekurangan Nutrien pada Tanaman Kacang Bendir*”. Latihan tersebut telah berlangsung di *Brunei Agriculture Research Center* pada hari Rabu 16hb Rejab 1441/ 11hb Mac 2020.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, khususnya Bahagian Pengembangan Pertanian, sedang giat di dalam menambah kapasiti kemahiran dan pengetahuan bagi kakitangan Jabatan ini dan peladang. Latihan ini bertujuan untuk mengenalpasti kekurangan nutrien pada tanaman bendir. Penggunaan baja secara bijak ialah dengan menggunakan baja secara optima agar mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Pembajaan yang berlebihan hanya membazir kos pembelian baja kerana tanaman mempunyai had penyerapan nutrien yang mana selebihnya tidak dapat di gunakan dan menjadi pencemaran kepada alam sekitar.

Latihan ini dilaksanakan oleh Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman bersama Unit-Unit Daerah Pengembangan. Taklimat dan latihan praktikal telah disampaikan oleh Pakar Tanah Tuan Arshad bin Mahmood, salah seorang Pegawai di Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman. Sesi taklimat dijalankan di Bilik Kantan di *Brunei Agriculture Research Center*, manakala bagi sesi latihan praktikal pula telah diadakan di Ladang *demo plot* berhampiran dengan pejabat Sains Tanah dan Nutrien Tanaman.

Latihan tersebut adalah sangat bermanfaat kepada para peserta kerana ianya telah memberikan kefahaman dalam memantau kesihatan tanaman dan mengatasi masalah kekurangan nutrien dengan penggunaan baja yang betul. Latihan ini ialah kesinambungan latihan dari tahun 2019 dalam mengenal pasti kekurangan nutrien pada tanaman lada. Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman akan sentiasa menjalankan latihan seperti ini bagi memperkasa kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta peladang. Sekiranya mana mana pihak yang berminat untuk mengikuti latihan tersebut, adalah dimaklumkan

untuk memohon secara bersurat kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber Sumber Utama dan Pelancongan.



Sesi Taklimat

Penerangan mengenai fungsi Unit Sains Tanah & Nutrien Tanaman



Sesi Praktikal mengenal kekurangan nutrien



Para peserta menerima tunjuk ajar daripada Pakar Tanah